

SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1981

Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan

Penubuhan Urusetia Persidangan Antarabangsa (UPA)

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perdana Menteri telahpun menubuhkan satu unit Urusetia Persidangan Antarabangsa (UPA). Unit ini adalah dilengkapi dengan kakitangan dan alat-alat yang sesuai bagi mengelola dan membantu sebarang persidangan/seminar/bengkel di peringkat antarabangsa anjuran Kerajaan yang diadakan di Malaysia. Urusetia ini akan merancang, menyelaras dan melaksanakan persidangan/seminar/bengkel tersebut melainkan persidangan-persidangan yang dikelolakan oleh Urusetia ASEAN (Wisma Putra).

2. UPA juga akan menolong Kementerian/Jabatan berkenaan menyediakan anggaran belanjawan persidangan; walau bagaimanapun tanggungjawab bagi mendapatkan peruntukan dan kelulusannya dari Perbendaharaan dan penjelasan pembayaran hendaklah dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan itu sendiri.

3. Kementerian/Jabatan yang menganjurkan sesuatu persidangan/seminar/bengkel di peringkat antarabangsa, sebagai Penganjur Persidangan, adalah diminta terlebih dahulu berhubung dengan UPA sebelum tindakan untuk mengelolakan persidangan tersebut dilakukan.

4. Penganjur Persidangan diminta membuat rujukan kepada sesuatu keputusan Jumaah Menteri mengenai persidangan yang hendak dikelolakan dalam suratnya yang diarahkan kepada UPA melalui TKSU, Jabatan Perdana Menteri.

5. Adalah disyurkan bahawa Penganjur Persidangan memohon UPA menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pusat di mana pembahagian tugas akan dibincangkan, dan mandat di beri kepada UPA untuk menyelaraskan tugas dan tindakan Kementerian/Jabatan lain yang terlibat.

6. Setelah menerima butir-butir persidangan/seminar/bengkel dan arahan dari Penganjur Persidangan, UPA akan menubuhkan Jawatankuasa Kecil Penyelarasan Persidangan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan persidangan/seminar/bengkel yang berkenaan. Penganjur Persidangan hendaklah menghantar seorang wakilnya kepada tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penyelarasan Persidangan untuk memberi maklumat terakhir dan keperluan persidangan selaku pegawai perhubungan berterusan di antara Penganjur Persidangan dan UPA. UPA akan melapurkan tindakan-tindakan Jawatankuasa Kecil Penyelarasan Persidangan ini kepada Jawatankuasa Pusat dari semasa ke semasa.

7. Adalah tanggungjawab Penganjur Persidangan menentukan keseringan Jawatankuasa Pusat bermesyuarat.

8. Penganjur Persidangan yang memerlukan bantuan/kerjasama UPA diminta memaklumkan hasratnya bagi mengadakan sesuatu persidangan/seminar/bengkel di peringkat antarabangsa kepada UPA seberapa awal yang boleh untuk memudahkan pihak UPA membuat susunan jadual dan lain-lain persiapan yang diperlukan. Tarikh persidangan itu boleh juga dimaklumkan sebagai panduan walaupun perkara tersebut belum dikemukakan kepada pihak Jumaah Menteri. Walau bagaimanapun adalah diharap bahawa tempoh yang memadai seelok-eloknya ialah tidak kurang daripada 5 atau 6 bulan sebelum persidangan diadakan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.

22 Januari 1981.

LAMPIRAN 'A'

MAJLIS PERANCANGAN WILAYAH LEMBAH KELANG

Pengerusi: Y.A.B. Perdana Menteri
Timbalan Pengerusi: Y.A.B. Menteri Besar Selangor

Persekutuan

Selangor

1. Menteri Wilayah Persekutuan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan atau Setiausaha Parlimen Wilayah Persekutuan
2. Ketua Setiausaha Negara
3. Dato Bandar Kuala Lumpur
4. Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan

1. Setiausaha Kerajaan
2. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
3. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
4. Pengarah Unit Perancang, Selangor

JAWATANKUASA KERJA WILAYAH LEMBAH KELANG

Pengerusi Bersama:
Setiausaha Kerajaan,
Selangor
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

Wilayah Persekutuan

Selangor

1. Ketua Penolong Setiausaha Perancangan dan Penyelidikan.
2. Pengarah Perancang Dewan Bandaraya.
3. Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan.

1. Pengarah Unit Perancangan.
2. Pengarah Perancang Negeri.
3. Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

URUSETIA